

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM - BN]**

TARIKH : 22 MAC 2017 (RABU)

SOALAN NO. 37

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status persiapan Sukan SEA 2017 dan berapa sasaran emas pada kontijen negara dalam temasya dwi-tahunan rantau ASEAN ini.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah pun melaksanakan berbagai langkah dalam usaha kita menjadikan pengelolaan Sukan Sea 2017 atau dikenali sebagai Kuala Lumpur 2017 antara yang terbaik pernah dikelolakan. Kuala Lumpur 2017 melibatkan 2 temasya utama iaitu Sukan SEA ke-29 yang akan berlangsung pada 19 hingga 31 Ogos 2017 manakala Sukan Para ASEAN ke-9 pula akan berlangsung pada 17 hingga 23 September 2017.
2. Sebuah Jawatankuasa Pengelola telah ditubuhkan yang dipengerusikan sendiri oleh YB Menteri Belia dan Sukan dengan keanggotaan 16 jawatankuasa kecil yang bertanggungjawab kepada aspek-aspek penganjuran yang penting seperti makan, penginapan, pengangkutan, sukan dan teknikal, perubatan dan anti doping dan lain-lain lagi. Sebanyak 38 sukan melibatkan 405 acara yang akan dipertandingkan di mana sukan pelayaran akan dipertandingkan di Langkawi dan acara kuda lasak akan dipertandingkan di Lembah Bidong, Setiu, Terengganu. Sukan dan acara yang lain akan dipertandingkan di sekitar Lembah Klang.
3. Semua jawatankuasa kecil termasuk Jawatankuasa Pengelola Tempatan (LOC) Langkawi dan Terengganu telah pun melaksanakan tindakan di bawah jawatankuasa masing-masing seperti yang dirancang. Sekretariat Kuala Lumpur 2017 (MASOC) yang

SULIT

diketuai oleh Yang Berbahagia Dato' Seri Zolkples Embong (mantan Ketua Pengarah, Majlis Sukan Negara) dengan pegawai dan anggota sepenuh masa yang mula beroperasi pada Januari 2015 bertanggungjawab memastikan semua aspek penganjuran diberikan sepenuh tumpuan.

4. Jawatankuasa Sukan dan Teknikal yang dipengerusikan oleh Yang Amat Mulia Tunku Tan Sri Imran ibni al-Marhum Tuanku Ja'afar al-Haj, Presiden Majlis Olimpik Malaysia telah mengadakan mesyuarat dan perbincangan dengan semua 38 persatuan sukan yang terlibat di dalam memastikan segala aspek yang berkaitan seperti penyediaan buku panduan teknikal, pegawai pertandingan, jadual, serta peralatan pertandingan dilaksanakan mengikut keperluan.
5. Selain daripada itu, KBS yang telah bertanggungjawab kepada penyediaan kemudahan dan venue telah membuat segala persiapan untuk memastikan semua venue pertandingan disempurnakan dalam usaha untuk menjadikan pertandingan bagi temasya ini berjalan dengan baik dan teratur.
6. Dari segi **persediaan atlet**, KBS melalui Majlis Sukan Negara (MSN) telah pun melaksanakan **Program KITA JUARA** bermula pada bulan September 2015 lalu iaitu program persediaan atlet ke arah temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017. Program KITA JUARA ini dilaksanakan melalui kaedah "**empowerment**" kepada **Persatuan Sukan Kebangsaan** serta mewujudkan sebuah Jawatankuasa Kerja MSN-PSK bagi setiap jenis sukan sebagai kaedah pemantauan program. Program ini juga akan melalui 3 fasa latihan iaitu **Fasa**

SULIT

Pertama bermula September 2015 sehingga September 2016, **Fasa Kedua** bermula dari Oktober 2016 sehingga Mac 2017 dan **Fasa Ketiga** akan bermula dari April sehingga Ogos 2017. Sehingga kini, Program KITA JUARA mempunyai seramai **874 atlet dan 133 jurulatih** dari 38 jenis sukan.

7. Dalam usaha untuk dinobatkan sebagai juara keseluruhan temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017, kontinjen negara perlu memenangi sekurang-kurangnya 100 pingat emas dari 405 pingat emas yang akan dipertandingkan untuk mengatasi pungutan pingat emas dikalangan negara-negara terkuat Asia Tenggara seperti Thailand, Vietnam, Indonesia dan Singapura.

Sekian, terima kasih.